

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]

TARIKH : 12.3.2015

SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap sekolah dan guru-guru yang melarang pelajar bukan Melayu memakai baju kurung ke sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, pemakaian pakaian seragam murid sekolah adalah berdasarkan kepada beberapa Surat Pekeliling Ikhtisas yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu :

1. Surat Pekeliling Ikhtisas 3/1983 Pakaian Seragam Murid-Murid Sekolah.
2. Surat Pekeliling Ikhtisas 8/1985 (Pakaian Seragam Murid-Murid Sekolah (Pindaan)).
3. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/1992 (Pemakaian Tudung/Mini Telekung Bagi Pelajar – Pelajar Perempuan).
4. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.6/1993 (Pakaian Seragam Sekolah).

Sehubungan dengan itu, KPM tidak pernah mengenakan paksaan dan tekanan kepada murid-murid supaya memakai pakaian seragam sekolah selain daripada apa yang telah ditetapkan di dalam surat-surat Pekeliling Ikhtisas yang berkaitan.

Walau bagaimanapun KPM akan memberi teguran dan nasihat terhadap sekolah dan guru-guru yang melarang pelajar bukan Melayu memakai baju kurung ke sekolah berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas 3/1983 **Pakaian Seragam Murid-Murid Sekolah.**

RJM24